

Penjanaan Ilmu Kelestarian Alam Sekitar di Kalangan Murid Sekolah Rendah

Azlinawati Abdullah (P67224)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Kanak-kanak di Malaysia mempelajari tentang alam sekitar secara formal, tidak formal dan bukan formal, sama ada melalui pendidikan di sekolah, melalui pihak berpengaruh luar (ibu bapa dan keluarga, NGO, persatuan alam sekitar) dan media (bercetak dan elektronik). Namun, adakah pengetahuan alam sekitar yang diterima memberi makna dan boleh diterjemahkan serta disampaikan kepada pihak lain? Sehubungan itu adalah penting untuk mengenal pasti sumber penjanaan ilmu kanak-kanak tentang alam sekitar, tahap pengetahuan dan pemahaman mereka tentang alam sekitar dan bagaimana mereka menterjemahkan pemahaman tersebut dalam bentuk yang mudah difahami oleh orang lain. Juga perlu dipastikan kandungan pembelajaran alam sekitar dapat dibentuk mengikut pemahaman kanak-kanak ini. **Objektif:** Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sumber penjanaan ilmu, tahap pengetahuan dan model mental kanak-kanak tentang alam sekitar. **Metodologi:** Kajian ini dijalankan pada 4 – 14 November 2014 di empat buah sekolah di Pantai Timur Semenanjung Malaysia, iaitu di negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Seramai 480 murid tahap dua (tahun 4, 5 dan 6) yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Kaedah yang digunakan meliputi kaedah analisis kandungan, soal selidik dan teknik visual (lukisan), manakala dapatan kajian dianalisis menggunakan kedua-dua analisis deskriptif dan inferensi. **Hasil:** Kajian mendapati bahawa sumber penjanaan ilmu yang utama bagi murid-murid mengenai kelestarian alam sekitar adalah melalui sumber di luar sekolah (94.0%), sementara itu tahap pengetahuan murid tentang kelestarian alam sekitar berada di tahap sederhana (44.4%). Hasil kajian terhadap teknik visual, iaitu lukisan murid mengenai alam sekitar menunjukkan sebahagian besar (96.7%) murid menunjukkan komponen biotik merupakan komponen alam sekitar yang paling banyak dilukis oleh murid-murid, manakala manusia merupakan komponen alam sekitar yang paling sedikit dilukis oleh mereka, iaitu hanya sebanyak 12.5%. Akhir sekali, model mental yang paling dominan dalam kajian ini adalah Model Mental 2, iaitu model mental yang tidak lengkap kerana terdapat satu atau lebih komponen alam sekitar tidak wujud dalam lukisan murid-murid ini, serta interaksi yang ditunjukkan juga adalah tidak jelas atau secara asas sahaja. Hasil ujian khi kuasa dua menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara (1) sumber penjanaan ilmu di sekolah dengan umur, (2) model mental dengan umur, dan (3) model mental dengan jantina. **Kesimpulan:** Memandangkan dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan murid yang sederhana dan model mental yang tidak lengkap tentang alam sekitar, lebih usaha perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan murid tentang alam sekitar, supaya kelestarian alam sekitar dapat dicapai dan dibudayakan oleh golongan peneraju masa hadapan ini.